



كمنترين سومبرا اوتام دان قانچوغن

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

MINI KARNIVAL PERIKANAN, 2020
JABATAN PERIKANAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
28-30 Ogos 2020, Pasarneka Pekan Muara berdekatan Kompleks Pendaratan Ikan Muara

KENYATAAN AKHBAR

Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan anjuran pengusaha-pengusaha industri perikanan sekali lagi mengadakan Mini Karnival Perikanan selama tiga hari bermula dari hari Jumaat, 28 Ogos 2020 hingga 30 Ogos 2020 bertempat di Pasarneka Jalan Perindustrian Serasa, Pekan Muara berdekatan dengan Kompleks Pendaratan Ikan Muara. Ini adalah kali pertama ianya diadakan pada tahun ini. Mini Karnival Perikanan ini dibukakan kepada orang ramai bermula dari jam 8.00 pagi sehingga jam 5.00 petang kecuali hari Jumaat yang bermula dari jam 8.00 pagi sehingga 11.00 pagi dan dibuka semula pada jam 2.00 petang sehingga 5.00 petang.

Mini Karnival Perikanan kali ini disertai oleh seramai lima (5) pengusaha tempatan dari sektor penangkapan ikan, satu (1) pengusaha tempatan dari sektor akuakultur dan tiga-belas (13) pengusaha tempatan dari sektor pemprosesan makanan laut.

Aktiviti Mini Karnival Perikanan ini adalah merupakan salah satu usaha Jabatan Perikanan untuk menggalakkan penglibatan pengusaha-pengusaha perikanan tempatan dalam membantu mengetengahkan dan memasarkan pelbagai hasil produk mereka kepada orang ramai. Dengan penerimaan dari pasaran tempatan yang berterusan, pengusaha tidak akan ragu untuk meningkatkan keluaran mereka dalam penghasilan dan pasaran hasil produk perikanan bagi sama-sama menyumbang kepada pertumbuhan keluaran kearah mendokong hasrat Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk melipat gandakan keluaran industri perikanan menjelang tahun 2020. Selain dari itu juga, dari aspek kesihatan, aktiviti ini memberi peluang dan kesempatan untuk mempromosi kempen 'Makan Ikan' sebagai sumber protin yang baik dan makanan yang sihat terutama kepada generasi baru.

Seperti juga penjualan hasil-hasil produk perikanan pada tahun-tahun yang lepas, orang ramai boleh mendapatkan pelbagai jenis ikan, udang, ketam dan sotong yang segar dengan harga yang berpatutan dan ianya terbuka kepada semua pengunjung-pengunjung dari dalam dan juga luar negara. Sementara itu, pengusaha akuakultur akan menjual hasil ikan laut yang bermutu tinggi seperti Ikan Kerapu. Manakala, para pengusaha dalam sektor pemprosesan makanan laut pula akan menjual produk-produk berproses dari sumber perikanan seperti keropok, belacan, ikan salai, ikan kering dan sebagainya. /

TAMAT.

Disediakan oleh:

Jawatankuasa Media & Publisiti

Jabatan Perikanan

Kementerian Sumber-Sumber Utama & Pelancongan

26 Ogos 2020 bersamaan dengan 07 Muharram 1442